

24 MAR 2002

Mahathir-Tabung Haji

PENGURUSAN BARU UNTUK PULIHKAN TABUNG HAJI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Tindakan kerajaan menukar pengurusan dan panel pelaburan Tabung Haji tahun lepas merupakan langkah mengatasi kelemahan pelaburannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita dah ambil tindakan dah. Kita dah masukkan orang-orang baru, pengurusan baru," katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang sekembalinya ke tanah air dari lawatan sembilan hari ke Eropah.

Perdana Menteri yang diminta mengulas laporan mengenai Tabung Haji menanggung kerugian dalam pelaburan RM200 juta menerusi syarikat pengurusan dana Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd, berkata isu pelaburan seperti itu merupakan masalah lama.

"Ini masalah lama yang kita sedang berusaha untuk memulihkan semula," katanya.

Sebelum ini, ketika menjelaskan mengenai pelaburan berkenaan, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar berkata Tabung Haji mula melaburkan sebanyak RM50 juta dengan Metrowangsa pada pertengahan Julai 2000 dan menambah pelaburan RM150 juta lagi pada akhir April 2001.

Panel pelaburan Tabung Haji yang baru dilantik pada September 2001 telah mengkaji semula semua pelaburan oleh Tabung Haji dan mendapati pelaburannya dalam Metrowangsa berisiko amat tinggi.

Oleh itu, Tabung Haji memberi notis kepada Metrowangsa pada 19 Oktober tahun lepas untuk menamatkan perjanjiannya dan Metrowangsa bersetuju untuk memulangkan semua pelaburan Tabung Haji.

Setakat ini, hanya RM120 juta telah dipulangkan menyebabkan Tabung Haji menyaman Metrowangsa dan peniaga mata wang Ahmad Hassan untuk mendapatkan kembali baki RM80 juta lagi.

Ditanya sama ada Tabung Haji perlu menukar strategi pelaburannya kepada yang berisiko rendah, Dr Mahathir berkata sebelum berlaku kegawatan, ramai yang membuat pelaburan tanpa berfikir panjang dan menerima akibatnya bila pasaran saham jatuh.

"Sebelum kegawatan semua orang buat pelaburan macam orang gila. Bila dah kena market (pasaran) jatuh, semua orang tahu ini tak kena," katanya.

Ketika ditanya kenapa dana Tabung Haji perlu diuruskan pihak lain walaupun ia mempunyai panel pelaburannya sendiri, Dr Mahathir berkata : "Sebab itu kita tukar pengurusan."

Sementara itu di PORT DICKSON, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua pihak yang diminta memberi maklumat berhubung kerugian berpuluh juta ringgit dalam pelaburan Tabung Haji supaya memberi kerjasama sepenuhnya.

"Saya berharap pihak mana sekali pun yang ditemui untuk mendapatkan maklumat (kes kerugian Tabung Haji) akan bersedia untuk bekerjasama supaya dengan adanya maklumat itu, kita dapat membuat keputusan yang betul," katanya selepas menutup seminar Intellektual Muda Melayu 2002 anjuran Centre for Intellectual Promotion and Technological Advancement (Cipta) di sini hari ini.

Beliau juga berkata pengurusan baru Tabung Haji, yang diketuai pengerusi barunya Tan Sri Zainol Mahmood, boleh menguruskan badan itu dengan lebih baik.

"Saya anggap mereka adalah barisan pengurusan yang berwibawa dan mempunyai sikap untuk membaiki dan berusaha mengukuhkan Tabung Haji,"

katanya.

Abdullah berkata Tabung Haji telah melalui pengalaman besar dalam menguruskan pelaburannya dan pengalaman itu harus dijadikan panduan yang berguna pada masa akan datang.

"Jadi keputusan yang akan dibuat adalah untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik bagi pelaburannya pada masa depan," katanya.

-- BERNAMA

MAD APG RP NAK